

02 DEC 2002

PROTON-JUALAN

PROTON EDAR JANGKA JUALAN KENDERAAN MENINGKAT TAHUN DEPAN

KOTA BAHARU, 2 Dis (Bernama) -- Proton Edar Sdn Bhd menjangka jualan bagi kesemua model kenderaan yang dipasarkannya akan menyaksikan peningkatan mulai Januari depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Maruan Mohd Said berkata unjuran itu dibuat berdasarkan inisiatif, acara dan langkah promosi yang dilaksanakan oleh syarikat itu.

"Kita yakin dengan inisiatif, acara dan promosi yang kita jalankan akan memberi hasil pada Januari dan Februari depan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan kepada pelajar-pelajar sekolah dan berbuka puasa dengan mereka di Jabatan Penyiaran Malaysia Kelantan di sini, semalam.

Proton Edar memasarkan pelbagai jenis kereta Proton seperti Waja, Satria, Wira Aeroback, dan Arena.

Maruan berkata Proton Edar mencatatkan jualan sebanyak 8,000 unit bagi kesemua model kenderaan yang dipasarkannya sepanjang November lepas berbanding jualan 7,200 unit pada Oktober.

"Kalau mengikut jualan kita, kita mengalami sedikit penurunan pada September dan Oktober tetapi pada November jualan sudah meningkat," katanya.

Mengenai jualan Proton Arena, Maruan berkata kenderaan tempatan keluaran terbaru itu mendapat sambutan amat menggalakan sejak ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya 7 Nov. lepas.

Sehingga kini, 500 unit sudah ditempah dan Proton Edar mula menyerahkan kenderaan itu kepada pembeli secara berperingkat, katanya.

Beliau berkata Proton Arena dikeluarkan dalam tiga model iaitu "Freestyle", "Sportdeck" dan "Fastback" yang masing-masing dijual pada harga RM37,250.21, RM39,552.22 dan RM41,332.55.

Katanya, kenderaan itu amat sesuai untuk perniagaan kecil seperti syarikat pendawaian elektrik dan pemasangan paip kerana ia menyediakan keselesaan pemanduan kereta dan pada masa sama ia juga boleh memuatkan barang-barang perniagaan.

Walaupun kebanyakan pembeli dan bakal pembeli Proton Arena adalah dari kategori peniaga kecil namun model itu juga menarik minat golongan profesional termasuk jurutera dan doktor, katanya.

Proton Edar kini mempunyai 133 pusat jualan di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 100 pusat merupakan wakil pengedar manakala bakinya adalah cawangan. --BERNAMA

SMO BD JR